

Hentikan segera aktiviti korek pasir - CAP

SAUDARA PENGARANG,

PERSATUAN Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan Kedah mengambil tindakan segera menghentikan semua aktiviti mengorek pasir di negeri itu kerana aktiviti berkenaan boleh mengancam alam sekitar dan menjejaskan kehidupan penduduk tempatan.

CAP kesal walaupun masalah tersebut sudah berlarutan sejak sekian lama namun sehingga kini tiada tindakan konkrit diambil oleh pihak berkuasa terlibat malah aktiviti korek pasir itu semakin serius berlaku.

Sebagai contoh, pencemaran Sungai Sari di Padang Sanai daerah Padang Terap. Dalam isu ini CAP berpendapat penguatkuasaan undang-undang yang lemah menjadi punca lebih 5,000 penduduk di beberapa daerah terutama daerah Kulim terus diancam dengan pencemaran air sungai akibat kegiatan mengorek pasir di kawasan tersebut.

Hasil tinjauan CAP, operasi mengorek pasir bukan saja mencemarkan air sungai yang menjadi kegunaan harian penduduk luar bandar tetapi juga menyebabkan banyak ikan mati, tanah pertanian

terhakis dan rumah-rumah penduduk terancam serta runtuh.

CAP dan penduduk-penduduk terlibat telah berpuluh-puluh kali menyuarakan kebimbangan dan membantah kesan buruk akibat aktiviti mengorek pasir itu kepada kerajaan Kedah tetapi hingga hari ini tiada tindakan sewajarnya diambil bagi menangani masalah berkenaan.

CAP percaya jika keadaan ini berterusan alam sekitar akan musnah, air sungai terus tercemar, tanah pertanian menjadi berkurangan dan kehidupan penduduk di kawasan terbabit akan terus terancam. Penduduk juga akan mengalami kerugian lebih besar akibat kerosakan harta benda mereka.

CAP berharap kerajaan Kedah, Pejabat Tanah dan Galian Negeri (PTG), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) memberi perhatian sewajarnya dan mengambil tindakan tegas terhadap pengusaha-pengusaha kuari pasir terlibat demi kesejahteraan penduduk yang terlibat.

S.M.MOHAMED IDRIS
Presiden CAP